

Guna perisian cetak rompak kaut laba berganda

Bangi: Guna perisian tiruan bagi mengelak pembayaran lebih tinggi untuk perisian asli sekali gus mengaut keuntungan berganda.

Itu taktik sebuah syarikat kejuruteraan awam di Seksyen 9 di sini, yang dikesan menggunakan perisian tiruan sejak setahun lalu.

Bagaimanapun helah itu terbongkar selepas serbuan dilakukan tujuh pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kajang, Selangor diketuai Mohamad Sani Mohammad Nor jam 12.15 tengah hari, semalam.

Pengarah KPDNHEP Selangor Muhammad Zikril Azan Abdullah berkata, serbuan itu dilakukan hasil maklumat daripada pemilik



ANGGOTA penguat kuasa memeriksa komputer milik syarikat kejuruteraan yang dipercayai menggunakan perisian tiruan.

hak cipta perisian berkenaan.

"Kami mengesan beberapa salinan perisian kompu-

ter disyaki tiruan digunakan pakai syarikat berkenaan.

"Kami turut menyita beberapa set komputer diang-

garkan bernilai RM40,000 bagi membantu proses siasatan," katanya di lokasi serbuan, semalam.